

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR  
BILANGAN 7/2009**

=====

**GARIS PANDUAN MEMPERTIMBANGKAN PERMOHONAN  
UNTUK MENGURANGKAN/MEMANSUHKAN BAYARAN DENDA  
LEWAT CUKAI TANAH**

---

**1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklum dan memberi garis panduan kepada Pentadbir Tanah Daerah mengenai permohonan untuk mengurangkan/memansuhkan bayaran denda lewat cukai tanah, serta membatalkan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 2/2009.

**2. LATAR BELAKANG**

2.1 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Ke 19/2009 bertarikh 10hb Jun 2009 yang telah disahkan pada mesyuarat Ke 20/2009 bertarikh 17hb Jun 2009 telah memutuskan bahawa –

2.1.1 Pentadbir Tanah Daerah diberikan kuasa untuk mempertimbangkan pengurangan denda lewat cukai tanah sehingga 50%;

- 2.1.2 Penurunan kuasa kepada Pengarah Tanah Galian Selangor untuk pengurangan bayaran tersebut sebanyak maksimum 30% adalah terbatal;
- 2.1.3 Permohonan memansuhkan bayaran denda lewat sepenuhnya diwakilkan kuasa kepada Y.B. Pegawai Kewangan Negeri.
- 2.2 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Ke 28/2009 bertarikh 2hb September 2009 yang telah disahkan pada mesyuarat Ke 29/2009 bertarikh 9hb September 2009 telah meluluskan cadangan pindaan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Ke 19/2009 bertarikh 10 Jun 2009 berkenaan kuasa untuk memansuhkan bayaran denda lewat cukai tanah yang diwakilkan kepada Y.B. Pegawai Kewangan Negeri dipinda kepada Pengarah Tanah Dan Galian Selangor.
- 2.3 Selaras dengan keputusan tersebut, pekeliling ini dikeluarkan untuk memberi garis panduan baru kepada Pentadbir Tanah Daerah.

### **3. KAEDAH PELAKSANAAN**

Berdasarkan keputusan tersebut, permohonan untuk mengurangkan/memansuhkan bayaran denda lewat cukai tanah dipertimbangkan seperti berikut:

- 3.1 Bagi permohonan untuk mengurangkan bayaran denda lewat, Pentadbir Tanah Daerah diberikan kuasa mempertimbangkan pengurangan sehingga 50%;
- 3.2 Bagi permohonan memansuhkan bayaran denda lewat sepenuhnya, Pentadbir Tanah Daerah dikehendaki mengemukakan kertas ringkasan kepada Pengarah Tanah Dan Galian Selangor untuk pertimbangan;
- 3.3 Semua permohonan pengurangan/memansuhkan bayaran denda lewat cukai tanah tidak perlu lagi diangkat ke mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor.

#### **4. ASAS PERTIMBANGAN**

- 4.1 Pemilik tanah adalah mengemukakan permohonan untuk **kali pertama sahaja bagi setiap hakmilik.**
- 4.2 Jumlah minimum bayaran denda lewat bagi permohonan daripada syarikat ialah sebanyak RM1,000.00 manakala individu ialah sebanyak RM10.00.
- 4.3 Faktor-faktor yang boleh dipertimbangkan untuk kelulusan adalah seperti berikut:

- 4.3.1 Masalah kesihatan dengan melampirkan surat pengesahan/pengakuan dari doktor yang berdaftar;
- 4.3.2 Masalah kemiskinan dengan pendapatan seisi keluarga kurang dari RM1,500.00 sebulan dengan melampirkan slip gaji/surat akuan sumpah;
- 4.3.3 Orang kurang upaya dan pesara dengan melampirkan salinan kad pengenalan;
- 4.3.4 Masalah-masalah teknikal (contoh: kesilapan pada maklumat bil hasil tanah dan lain-lain);
- 4.3.5 Masalah-masalah dengan pemaju perumahan (contoh: projek terbengkalai, pemaju gulung tikar dan lain-lain) dengan melampirkan surat pengesahan daripada pihak berkaitan seperti Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor, Jabatan Insolvensi dan lain-lain;
- 4.3.6 Alasan-alasan lain yang munasabah dan boleh diterima yang disertakan dengan bukti yang kukuh.

## **5. SYARAT KELULUSAN**

- 5.1 Pemohon hendaklah menjelaskan keseluruhan bayaran cukai tanah dan tunggakan cukai tanah berdasarkan keadaan seperti berikut:

5.1.1 Bagi permohonan yang diterima pada tahun 2009, bayaran penuh hendaklah dibuat sebelum/pada 31hb Mei 2010;

5.1.2 Bagi permohonan yang diterima pada tahun 2010 dan tahun-tahun berikutnya, bayaran penuh hendaklah dibuat sebelum/pada 30hb November bagi tahun tersebut;

5.2 Sekiranya bayaran dibuat secara ansuran, permohonan untuk mengurangkan/memansuhkan denda lewat akan diberi kelulusan pada bayaran terakhir seperti yang telah ditetapkan di dalam jadual pembayaran ansuran.

## **6. TARIKH KUAT KUASA DAN PEMAKAIAN**

6.1 Pelaksanaan arahan dalam pekeliling ini berkuat kuasa pada 9hb September 2009.

6.2 Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 2/2009 dengan ini dibatalkan.

  
(DATO' ABD. NASIR BIN HASSAN)

Pengarah Tanah dan Galian  
Negeri Selangor Darul Ehsan.

Bertarikh: 12 NOV. 2009